

November 3, 2024

www.heraldmalaysia.com



Dan dalam jumlah yang besar mereka telah menjadi imam, kerana mereka dicegah oleh maut untuk tetap menjabat imam. Tetapi, kerana Dia tetap selama-lamanya, imamat-Nya tidak dapat beralih kepada orang lain.

Kerana itu, Dia sanggup juga menyelamatkan dengan sempurna semua orang yang oleh Dia datang kepada Tuhan. Sebab Dia hidup senantiasa untuk menjadi Pengantara mereka.

Ibrani 7:23-25

Ensiklik terbaru Sri Paus Fransiskus, "Dilexit Nos"

# Dia mengasihi kita



**TAKHTA SUCI: Dilexit Nos.** Itulah judul utama ensiklik terbaru Sri Paus Fransiskus yang dilancarkan pada Oktober 24, di pejabat akhbar rasmi Vatikan. *Dilexit Nos* bererti 'Dia telah Mencintai Kita'. **Dia yang dimaksudkan di sini ialah Tuhan.**

Teks ensiklik ini bertemakan cinta kasih ilahi dan insani yang mengalir dari Hati Kudus Yesus. Ensiklik ini dibentangkan oleh Uskup Agung Bruno Forte dan Sr Antonella Fraccaro.

Pada Jun 5 lalu, semasa memimpin audiensi umum, Sri Paus sendiri telah mengutarakan niatnya untuk menyusun sebuah dokumen yang mengumpulkan refleksi berharga dari teks-teks Magisterium dan sejarah panjang yang ber asal dari Kitab Suci, untuk mengingatkan Gereja sedunia, tentang perghormatan pada Hati Kudus Yesus, yang penuh keindahan spiritual.

Bapa Suci berharap bahawa refleksi tentang cinta kasih menghangatkan kembali dunia yang sebahagian besarnya telah kehilangan hatinya, akibat perang, konsumerisme dan konflik.

Penerbitan ensiklik ini juga bertepatan dengan perayaan ke-350 Devosi Hati Kudus Yesus, sejak pertama kali penampakan-Nya pada 1673 kepada Sta Margaret Mary Alacoque.

350 tahun lalu, pada Disember 27, Yesus menampakkan diri kepada biarawati muda berusia 26 tahun dari Gereja Visitasi Perancis dan mempercayakan misi-Nya untuk menyebarkan kasih-Nya, khususnya kepada para pendosa.

Penampakan ini, yang terjadi di biara Paray-le-Monial di Burgundy, berlanjutan selama 17 tahun.

Kristus memperlihatkan hati-Nya yang dikelilingi oleh api dan dikelilingi oleh mahkota duri — melambangkan luka-luka yang dicetuskan oleh dosa manusia. Melalui penampakan ini juga, Yesus meminta agar hari Jumaat selepas Hari Raya Besar Tubuh dan Darah Kristus, didedikasikan kepada Hati Kudus.

## Ensiklik Keempat Sri Paus

*Dilexit nos* merupakan ensiklik keempat Sri Paus Fransiskus, setelah *Lumen fidei* (Jun 29, 2013), yang ditulis bersama dengan Benediktus XVI; *Laudato si'* (Mei 24, 2015), tentang krisis alam ciptaan dan perlunya kepedulian terhadap ciptaan; dan *Fratelli tutti* (Okttober 3, 2020), yang menyuarakan persaudaraan global dan persahabatan sosial di dunia yang terpecah belah oleh pandemik dan konflik,

termasuk perang yang dilakukan atas nama Tuhan.

*Dilexit nos* didedikasikan untuk cinta manusia dan ilahi Hati Yesus Kristus: "Hati-Nya yang terbuka berada di barisan hadapan kita dan menunggu kita tanpa syarat, Dia menawarkan cinta dan persahabatan-Nya kepada kita," tulis Sri Paus dalam perenggan pengenalan.

"Sebab Dia lebih dahulu mengasihi kita" (1 Yoh 4:10). Kerana Yesus, 'kita telah mengetahui dan percaya akan kasih yang Tuhan berikan kepada kita' (1 Yoh 4:16).

Ensiklik *Dilexit nos* mengandungi kira-kira 30,000 perkataan, merujuk secara meluas daripada Kitab Suci dan tradisi, mengambil pandangan-pandangan daripada Sta Therese dari Lisieux, Sto Francis de Sales dan Sto Charles de Foucauld.

Diterbitkan semasa minggu akhir Sinode tentang Sinodaliti, ensiklik itu menekankan kerohanian peribadi dan komitmen misionari komunal.

Lima bab dalam *Dilexit nos*, bermula dengan penerokaan falsafah dan teologi tentang "kepentingan hati" kemudian bergerak melalui refleksi tentang tindakan dan kata-kata cinta Kristus, makna teologi devosi kepada Hati Kudus, kesan dinamik rohani dan implikasi sosialnya.

## Devosi Paus Fransiskus

Sri Paus Fransiskus secara konsisten menunjukkan devosi yang mendalam kepada Hati Kudus dan sering kali mengaitkannya dengan misi imamat.

Pada tahun 2016, Bapa Suci mengakhiri Tahun Jubli para Paderi pada Hari Raya Hati Kudus, dengan menyeru pada imam mengarahkan hati mereka seperti Gembala yang Baik kepada mereka yang terhilang dan yang jauh.

## Dunia seolah-olah kehilangan hati

Dunia seolah-olah kehilangan hati tetapi dengan menemui kasih Kristus, "kita menjadi mampu menjalin persaudaraan, mengenali maruah setiap manusia dan bekerja bersama-sama untuk menjaga rumah kita bersama."

Dan "di hadapan Hati Kristus", Bapa Suci meminta Tuhan "untuk mengasihi dunia yang menderita ini dan mencerahkan khazanah cahaya dan kasih-Nya, agar dunia kita, yang walaupun bergelut dengan perperangan, ketidakadilan, ketidaksetaraan ekonomi, dan penggunaan teknologi yang dapat mengancam kemanusiaan kita — boleh mendapatkan semula perkara yang paling penting dan perlu: hati" (31).

## Doa Sri Paus Fransiskus

Ensiklik *Dilexit nos* diakhiri dengan doa Sri Paus Fransiskus: "Saya memohon kepada Tuhan kita Yesus Kristus agar menganugerahkan Hati Kudus-Nya untuk terus mencerahkan aliran air hidup yang dapat menyembuhkan luka yang telah kita lakukan, menguatkan kemampuan kita untuk mengasihi, melayani orang lain dan mengilhami kita untuk berjalan bersama menuju keadilan, perpaduan dan persaudaraan.

Sehingga hari itu, apabila kita akan bersukacita dalam merayakan bersama-sama perjamuan kerajaan syurga di hadapan Tuhan yang bangkit, yang menyelaraskan semua perbezaan kita dalam cahaya yang memancar selama-lamanya dari hati terbuka-Nya. Semoga diberkati selama-lamanya" (220). CNA/Media Vatikan



# Bagaimana mengendalikan ‘amukan’ si comel semasa Misa?

**A**lah perkara biasa bagi keluarga untuk menghadiri Misa Senja Sabtu atau Misa hari Minggu bersama anak-anak kecil mereka, yang kadangkala boleh menyebabkan gangguan kerana anak-anak itu menangis atau bermain.

Dua orang paderi Katolik mempunyai beberapa nasihat yang bertujuan untuk membantu ibu bapa dan peserta Misa yang lain.

Fr Vicente Eliamar Vega, seorang paderi di Keuskupan Saltillo, Mexico Coahuila, mengatakan bahawa adalah penting untuk membiasakan anak-anak memenuhi kewajipan menghadiri Misa Kudus hari Minggu serta pada hari-hari kewajipan suci, “untuk kemuliaan Tuhan dan keselamatan jiwa mereka.”

Fr Vega menggesa keluarga untuk mengekalkan amalan ini dan membawa anak-anak mereka ke Gereja, kerana “itu-lah cara kita akan memanjangkan warisan iman.”

Fr José Juan Montalvo — dikenali di media sosial sebagai Fr Borre — pengasas perkhidmatan keluarga dalam talian untuk Keuskupan Agung Monterrey, Nuevo León, meminta umat awam dan ibu bapa bersar, bahawa kebisingan dan tingkah laku kanak-kanak adalah semula jadi lebih-lebih lagi, “mereka adalah masa depan Gereja kita.”

#### Nasihat untuk ibu bapa

Fr Montalvo berkata, dia sering menggalakkan ibu bapa mencari paroki di mana

terdapat perayaan khas untuk kanak-kanak.

Bagaimanapun, paderi itu menjelaskan, sama ada Misa itu ada atau tidak, ibu bapa harus menemani anak-anak mereka dan bukan membiarkan mereka “menjalani Misa sebagai kanak-kanak sendirian tetapi secara beransur-ansur mendidik mereka.”

Dia mencadangkan mengajar anak-anak sesuatu yang baru setiap kali mereka menghadiri Misa, seperti menerangkan makna konsekrasi, pembacaan sabda atau bila waktunya untuk berdoa atau berdiri dan menggalakkan mereka menyanyi lagu “Bapa Kami”.

Oleh itu, ibu bapa dapat menjadi “katekis” untuk anak-anak mereka semasa Misa.

Beliau juga mencadangkan ibu bapa mencari sumber rohani dan kreatif agar anak-anak dapat memahami dan menghayati perjalanan Misa Kudus.

Ibu bapa juga disyorkan menggunakan “senarai semak” elemen atau unsur-unsur perayaan bagi memastikan anak-anak memberi perhatian penuh.

Sebagai contoh, memeriksa apakah mereka sudah boleh mengenali alat-alat mudah yang digunakan semasa Misa misalnya salib, piala, hosti atau mengingati siapa rasul yang disebut dalam liturgi sabda pada hari itu?

Montalvo menjelaskan bahawa jenis senarai atau aktiviti ini boleh didapat di Internet, perlahan-lahan, sedikit demi sedikit, kanak-kanak dapat diajar “cara

menjalani Misa” namun ini memang memerlukan banyak kesabaran dan banyak pedagogi.

#### Nasihat untuk paderi

Vega menekankan kepentingan “mengikir cinta terhadap Misa dalam hati” dan dalam hal ini, paderi memainkan peranan penting. Beliau mencadangkan bahawa, dengan amal, paderi itu sendiri atau salah seorang pembantunya boleh “secara langsung menarik perhatian kanak-kanak itu.

“Ini mempunyai kesan yang lebih efektif berbanding jika bapa atau ibu melakukannya,” jelasnya

Walaupun langkah ini boleh mencetuskan beberapa reaksi, Fr Vega menyatakan bahawa “ia bukan sesuatu yang boleh menyebabkan skandal, kerana pendidikan Kristian pada prinsipnya teguh, lembut dalam cara, yang membolehkan ketegasan dikekalkan tanpa menyenggung perasaan sesiapa pun.

#### Adakah saya tetap “dalam” Misa semasa menjaga anak kecil?

Kod Hukum Kanonik menyatakan bahawa umat beriman “diwajibkan untuk mengambil bahagian dalam Ekaristi pada hari-hari kewajipan suci.”

Walau bagaimanapun, ia menyatakan bahawa orang yang mempunyai “sebab yang serius (contohnya, penyakit atau penjagaan kanak-kanak kecil) atau yang diketepikan oleh paderi mereka sendiri”,

dikecualikan daripada menghadiri.

Tetapi mereka yang “sengaja gagal memenuhi kewajipan ini melakukan dosa besar” (*Katekismus Gereja Katolik No. 2181*).

Sri Paus Fransiskus juga prihatin akan hal ini. Semasa menyampaikan homili pada tahun 2020, dalam upacara pembaptisan 32 orang bayi di Vatikan, Bapa Suci Fransiskus memberitahu ibu bapa: “Jangan takut, biarkan anak-anak menangis. Walau bagaimanapun, jika anak anda menangis atau mengadu, mungkin kerana dia terlalu panas; ambil masa untuk menenangkannya, atau kerana dia lapar, susukan dia senyap-senyap di sini.”

Vega menjelaskan bahawa “Anda tetap dikira berada dalam Misa jika seorang ibu atau bapa keluar masuk untuk menenangkan anaknya yang resah.”

Walau bagaimanapun, dia mengesyorkan bahawa “kanak-kanak itu harus dibiasakan atau belajar memahami bahawa dia berada dalam Misa Kudus.”

Paderi menjelaskan bahawa sekiranya bapa atau ibu terpaksa meninggalkan ruang Gereja - contohnya, ke luar bangunan Gereja kerana anak kepanasan, - hati mereka harus kekal bersatu dengan penyembahan ilahi yang dipersembahkan di mezbah.”

“Jika anda keluar semasa Misa kerana menenangkan anak dan tetap bersatu dalam Misa, anda memenuhi tanggungjawab hari Minggu anda, tetapi tidak bagi yang memeriksa atau menjawab telefon!” CNA

## Buah iman ialah KASIH

**H**idup kita masing-masing membuktikan, bahawa pengetahuan, ilmu dan keyakinan yang kita miliki, biar pun dalam dan banyak, tetapi tidak selalu sama dengan apa yang kita buat atau laksanakan sendiri.

Hari ini dalam Injil Markus memperkenalkan seorang ahli Taurat. Ahli-ahli Taurat mengenal Kitab Suci Perjanjian Lama (PL) dengan baik, ibaratnya sudah hafal. Dan mereka mengajar Taurat dan memutlakkan pelaksanaan perintah-perintah PL.

Menurut kaum Farisi di dalam Taurat terdapat 613 perintah yang terdapat dalam lima buku pertama PL, yang harus ditaati. Terdapat 248 perintah positif (“Kamu harus...”), manakala 365 pula merupakan perintah negatif (“Kamu jangan...”).

Inilah dasar pertanyaan yang diajukan oleh si ahli Taurat dalam Injil Markus kepada Yesus, “Perintah manakah yang paling utama?”

Ternyata perintah mengasihi Tuhan bukanlah baru diberikan oleh Yesus. Dalam Perjanjian Lama sudah ada!

Tetapi ada perbezaan besar dan menaras yang menyempurnakannya. Ada dua perintah kasih: kasih kepada Tuhan dan kasih kepada sesama.

Tambahan khusus yang diberikan Yesus ialah: kasih kepada Tuhan dan kepada sesama adalah sama nilainya, dan tidak terpisahkan satu sama lain.

Kita tidak dapat hanya mengasihi yang satu tanpa sekaligus mengasihi yang lain. Mengasihi Tuhan harus sekaligus mengasihi sesama.

Landsaan atau motivasi kita mengasihi sesama harus timbul dari kasih kita kepada Tuhan. Oleh sebab itu, kasih kita kepada Tuhan harus dapat dibuktikan dan diteguhkan melalui kasih kita terhadap sesama!

Kasih kita kepada sesama merupakan suatu syarat bagi hati kita untuk dapat mengasihi Tuhan secara sungguh-sungguh!

Jadi kasih kita kepada Tuhan menjadi nyata apabila kita sungguh mengasihi sesama kita. Dan kasih kita kepada sesama adalah bukti bahawa kita sungguh mengasihi Tuhan!

Dalam Konsili Vatikan II, sebuah dokumen penting memberi penjelasan rasmi tentang Gereja iaitu “Lumen Gentium” (Terang Bangsa-Bangsa).

Dalam dokumen itu tertulis: “Tuhan itu kasih, dan sesiapa tetap berada dalam kasih, dia tinggal dalam Tuhan dan Tuhan

dalam dia” (1 Yoh 4:16).

Adapun Tuhan mencurahkan cinta kasih-Nya ke dalam hati kita melalui Roh Kudus yang dikurniakan kepada kita (lih. Rom 5:5). Maka dari itu kurnia yang pertama dan paling perlu iaitu cinta kasih, yang membuat kita mencintai Tuhan melampaui segalanya dan mengasihi sesama demi Dia (LG 42).

Demikianlah cinta kasih akan Tuhan sekaligus akan sesama merupakan ciri atau identiti murid Kristus dan warga Gereja yang sejati.

Semasa masih menjabat jabatan sebagai Sri Paus, Bapa Suci Emeritus Benediktus XVI, menulis sebuah ensiklik yang berjudul “Deus caritas est” (Tuhan adalah kasih) pada tahun 2005.

Prelatus itu menegaskan bahawa kita menjadi umat Kristian bukan kerana kita sekadar mahu memiliki suatu sikap hidup yang memang tinggi dan luhur mutu etikanya, melainkan melangkaui dorongan motivasi, bahawa kita telah mengenal dan menjumpai seorang Peribadi, yang begitu mengasihi kita, iaitu Yesus Kristus, sehingga Dia rela mengorbankan diri serta menyerahkan diri-Nya kepada kita!

Sebab, seperti dikatakan oleh Yohanes penulis Injil, kerana Tuhan mengasihi

## HARI MINGGU BIASA KE-31

### TAHUN B

**ULANGAN 6:2-6;**

**IBRANI 7:23-28;**

**INJIL MARKUS 12:28-34**

kita, maka kasih bukanlah hanya suatu perintah, tetapi jawapan atau tindakan kasih Tuhan, yang telah rela mengorbankan dan menyatakan diri-Nya dengan kita.

Sebagai rakyat di negara ini, kita hidup bersama dalam masyarakat dan harus memiliki Kad Pengenalan.

Santa Teresa dari Kalkuta juga harus memiliki kad pengenalan sebagai penduduk di India. Namun beliau juga memiliki tanda pengenalan lain.

Bukan dalam bentuk kad pengenalan atau kad perniagaan melainkan terungkap dalam sikap, kata-kata dan perbuatan kasihnya. Dia pernah menulis dalam kad yang dibuatnya sendiri, “*Buah kehenungan adalah doa. Buah iman adalah kasih. Buah pelayanan adalah damai.*”

Kasih kita kepada Tuhan adalah palsu jika kita tidak mengasihi sesama. Dan tidak mengasihi sesama bererti tidak mengasihi Tuhan. Padahal Tuhan adalah kasih! **Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm**

# Kem Rohani Tawau perkasakan remaja tangani cabaran zaman moden

TAWAU: Kem Rohani 2024 baru-baru ini bukan sahaja menyediakan sesi-sesi yang memantapkan iman tetapi turut menyuntik semangat penginjil dalam kalangan peserta apabila mereka dihantar ke beberapa chapel di bawah jagaan *Holy Trinity* Tawau.

Pertemuan Minggu Gembira (PMG) Gereja Katolik *Holy Trinity* telah menganjurkan Kem Rohani baru-baru ini yang disertai 258 peserta, berusia antara 12 hingga 17 tahun. Para peserta tersebut merupakan pelajar Komuni Pertama, Pra Penguatan dan Penguatan sesi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Objektif utama penganjuran kem ini adalah untuk menyedarkan para peserta kepentingan menghayati Sabda Tuhan dalam kehidupan harian. Selain itu, para peserta juga belajar dan meneladani iman Bonda Maria yang hidup dalam kekudusan. Pada masa yang sama, para penganjur berharap agar penganjuran kem itu mampu melahirkan belia Katolik yang berani bersaksi sekali gus menjadi pengikut Kristus yang sejati pada masa ini.

Pada hari pertama, melalui sesi “ice-breaking”, para peserta saling berkenalan dan berbual mesra dengan sesama. Kemudian, Tim Doa Kelompok Bahasa Melayu mengetua sesi “Malam Puji-Pujian.”

Koordinator Kem Rohani PMG 2024, Sdri Rolina Kinupal menyampaikan pengenalan kem rohani itu secara ringkas.

Program hari kedua bermula dengan doa. Selepas sarapan, para peserta mengikuti sesi pertama oleh Fr David Garaman, bertajuk, “Firman, Doa dan Iman”.

Semasa sesi jangkauan stasi luar, para peserta telah dibahagikan kepada tiga kumpulan yang dihantar ke tiga lokasi.

Pelajar kelas Komuni melawat Chapel St Nicholas, Sin Onn manakala para pelajar kelas pra-Penguatan mengunjungi Chapel St. Stephen, Tass. Para pelajar Penguatan pula melawat Chapel St. Paul, Balung.

Sebanyak empat buah bas dan beberapa buah kenderaan persendirian lain telah digunakan untuk membawa para peserta ke destinasi masing-masing.

Setibanya di destinasi, para peserta memimpin doa pembukaan dan lagu pujian tatkala katekis pembimbing menyampaikan katekes tentang “Mengenali Bonda Maria sebagai Ibu dalam Kehidupan Kita”. Para peserta juga diajar membuat seutas rosari.

Selepas makan tengah hari dan rehat, program diteruskan dengan sesi “Speak up”. Sebelum kembali ke Tawau, para peserta berdoa rosari bersama umat



tempatan.

Pada sebelah malam, ibu bapa turut menyertai anak-anak mereka untuk sesi Rekonsiliasi. Acara ini dilakukan dengan upacara “pembasuhan kaki” yang menyentuh ramai keluarga. Selepas anak-anak membasuh kaki ibu bapa mereka, setiap keluarga berdoa bersama di bawah Salib Yesus.

Sr Mary How FSIC, pada hari terakhir kem, menyampaikan katekes tentang seorang kudus remaja iaitu Carlos Acutis. Carlos, 15, meninggal dunia pada tahun 2006 kerana penyakit leukemia, merupakan

kan pendevosi taat kepada Bonda Maria dan Ekaristi.

Kemudian, para peserta menghadiri perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Fr. Nicholas Ong.

Selepas Misa, para peserta kembali ke dewan untuk makan tengah hari seterusnya menjalani sesi terakhir, “Dunia Hari Ini” oleh Sdra Antoine.

Sebagai penutup, para peserta menonton video ringkas tentang aktiviti-aktiviti yang berlaku sepanjang kem rohani tersebut yang disediakan oleh Sdra Ernestina. SOCCOM Tawau

## Umat Mentu Tapu, Serian diajak selalu bekerja demi kebaikan bersama

SERIAN: Agama Katolik mula tersebar di Kg Mentu Tapu pada tahun 1965 oleh seorang pembawa Khabar Baik, Alen Anak Juang.

Pada mulanya, Gereja awal di dinamakan Gereja St Michael. Kini Gereja ini dinamakan Gereja Sto Francis dari Assisi ini di bawah jagaan paroki St Jude, Bunau dan menyambut pesta penaungnya kali ke-53.

Sempena pesta Sto Francis dari Assisi ini, umat telah menjemput seorang paderi Kapsin yang melayani di Keuskupan Agung Kuala Lumpur, iaitu Fr Valentine Gompok OFM, Cap.

Fr Val memimpin Misa Kudus bersama paderi paroki, Fr Prince Carneelyes Arockiam, CMF.

Dalam homilinya, Fr Val menekankan beberapa kesaksian hebat Sto Francis dalam hubungan peribadinya dengan Tuhan, setia memikul salib, menghor-



mati alam ciptaan dan menjadi “alat-alat” damai Yesus.

Fr Val turut menggubah doa Santo Fransiskus Assisi ini untuk umat Kg Mantutape dan dunia seperti berikut:

“Aku berdoa kepada-Mu,  
Tuhan Yesus Kristus,

Bapa belas kasihan: Jangan pandang  
rasa tidak berterima kasih kami, tapi  
selalu ingat akan kebaikan tak tertandingi  
yang Engkau telah tunjukkan  
kepada Kota ini.

Berilah yang itu boleh selalu menjadi

tempat tinggal dari pria dan wanita yang mengenal Engkau dalam kebenaran dan yang memuliakan nama Engkau yang Maha kudus dan mulia, sekarang dan untuk selama-lamanya.

Turut menghadiri acara ini ialah Sr Catherine Uming SSFS dan umat dari gereja denominasi lain misalnya Gereja *Seventh Day Advent* dan Protestan sesuai dengan salah satu objektif perayaan Gereja tersebut iaitu memupuk semangat muhibah dan persaudaraan antara Gereja denominasi.

John Wong dan Msgr Nicholas Stephen menanam pokok belimbing buluh serta longan Brazil selepas pertemuan dengan MPP.

Kemudian, semua umat yang hadir merayakan Misa Kudus di Gereja Holy Rosary.

Dalam ucapannya, Uskup Agung John menggesa semua umat paroki HRL untuk benar-benar menghayati dan menghidupi makna dari nama paroki ini dengan tindakan nyata berdoa Rosari.

Bapa Uskup Agung juga berpesan kepada 128 penerima Sakramen Krisma untuk meneruskan misi mewartakan Khabar Sukacita di mana sahaja mereka berada.

Sempena Hari Paroki, diadakan Bazaar yang menjual pelbagai jenis produk, makanan dan minuman.

Sementara itu, di dalam dewan, Uskup Agung John Wong dan paderi paroki, Msgr Nicholas Stephen, telah memilih untuk duduk bersama umat dan kanak-kanak semasa acara makan bersama. **Filex Sumpol**

## Bengkel membuat rosari bagi golongan pekak

PETALING JAYA: Pelayanan Orang Pekak Katolik (CMfD) buat julung kalinya menganjurkan bengkel membuat rosari untuk Komuniti Pekak Katolik di Gereja St Francis Xavier. Seramai 18 orang peserta menyertai bengkel itu, termasuk bukan Katolik dan dua orang jurubaha.

Penyelaras CMfD Melina Sylvia Ann Melina berkongsi, “Bengkel ini bertujuan untuk membantu komuniti Pekak agar semakin dekat dengan Bonda Maria. Membuat rosari memberi inspirasi kepada mereka untuk tekun berdoa.”

Bengkel itu dikendalikan oleh Denise Angus dari Gereja Hati Kudus, Cheras yang mula membuat rosari pada tahun 2017.

Paderi paroki Gereja St Francis Xavier, Fr Alvin Ng, SJ turut mengunjungi bengkel itu untuk memberkati rosari. Paderi itu menekankan kepentingan menghormati sakramental, katanya, “Selepas diberkati, rosari tidak boleh dibuang. Ia harus dibungkus di dalam kertas dan ditanam di dalam tanah atau diberikan kepada generasi akan datang.” Fr Alvin juga mengatakan bengkel itu menunjukkan dedikasi dan ketabahan komuniti golongan pekak. Katanya, “Mereka memberikan kita inspirasi untuk terus berahan dalam iman.”



## Lawatan pastoral Uskup Agung ke HRL

LIMBAHAU: Pesta Paroki Holy Rosary Limbahau (HRL) disambut meriah pada Oktober 5 dan 6 lalu.

Kehadiran Uskup Agung Kota Kinabalu, John Wong, menambahkan lagi semangat umat paroki untuk menyambut tiga peristiwa penting pada hari tersebut.

Pada Misa Senja, Oktober 5, seramai 128

calon Penguatan telah menerima Sakramen Krisma daripada Uskup Agung John.

Pada hari kedua merupakan pertemuan Bapa Uskup Agung dengan barisan Majlis Pastoral Paroki (MPP) untuk melaporkan perkembangan, aktiviti dan isu-isu lain berkaitan pentadbiran dan pastoral paroki.

Sebagai paroki ekologi, Uskup Agung

# Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Antie yakin bahawa adik-adik sudah menghafal 10 Hukum Tuhan, bukan? Jesus telah meringkaskan 10 Hukum Tuhan kepada dua perintah.

Tukuhakah adik-adik apa dua perintah utama itu?

Kasihilah Tuhan

dengan segenap hatimu dan kasihilah sesama seperti dirimu sendiri.

Antie pasti, ada di antara adik-adik yang pernah terluka dan sakit hati akibat perbuatan tidak baik rakan-rakan atau dalam kalangan keluarga kita sendiri, bukan?

Jadi bagaimana mengasihi orang-orang yang tidak kita sukai?

Mungkin, adik-adik boleh bermula dengan perkara kecil, misalnya memaafkan mereka yang menyakiti hati adik-adik dalam doa sebelum tidur.

Antie yakin, dari tindakan kebaikan kita yang kecil, ia pasti dapat membawa berkat kepada orang lain!

Antie Melly

Lengkapkan gambar di bawah mengikut susunan abjad dan jangan lupa mewarnakannya!

f . . g . . h . . i . .

e .

. . h . .

. . m . .

d .



. . n . .

c .

b .

. . p . .

. . a . .

## Cari perkataan tersembunyi




HUKUM  
FARISI  
SADUKI  
PENGERTIAN

KERAJAAN  
TERUTAMA  
SEGENAP  
KASIHILAH

**Kasihilah  
Tuhan mu  
dengan  
segenap  
hatimu dan  
kasihilah  
sesamamu  
manusia  
seperti  
dirimu  
sendiri  
(Markus  
12:30)**

*Mari  
Mewarna*



# BELIA

**KOTA VATIKAN:** Lebih 30 pelajar, dari lebih 10 universiti menghadiri sesi "Mahasiswa Universiri Berdialog dengan Pemimpin-pemimpin Sinode" pada Oktober 18, yang dianjurkan oleh Sekretariat Agung Sinode, di Dewan Paul VI, Vatikan.

Acara itu dikendalikan oleh empat anggota muda pasukan komunikasi Sinode tentang Sinodaliti yang mengajukan soalan kepada empat panel jemputan sesi sinode global kedua iaitu Setiausaha Agung Sinode, Kardinal Mario Grech; Relator Jeneral Sinode, Kardinal Jean-Claude Hollerich; Sr Leticia Salazar, cnselor Keuskupan San Bernardino, California; dan Uskup Daniel Flores dari Brownsville, Texas.

Dialog itu turut disiarkan secara langsung melalui saluran YouTube sinode.

Di hadapan penonton dalam talian yang kebanyakannya warga Amerika Syarikat, Kardinal Jean-Claude Hollerich mengambil peluang itu untuk bercakap mengenai pilihan raya Amerika Syarikat pada November 5, 2024.

"Apabila saya menonton di televisyen mengenai pilihan raya di Amerika Syarikat, terdapat "dua dunia" yang nampaknya bertentangan yang menggambarkan pemikiran sangat jauh daripada pemikiran sinodal," kata kardinal itu.

Namun begitu, Kardinal Jean-Claude berpesan, "Orang yang mempunyai pendapat yang berbeza bukanlah musuh. Kita harus bersama-sama, untuk mencari penyelesaian bersama," katanya.

Mengulas lanjut mengenai jurang



## Kaum muda berdialog dengan perwakilan Sinode 2024

politik dan ideologi yang tajam di Amerika Syarikat, ahli panel, Sr Leticia menggalakkan golongan muda Katolik di negara itu agar tidak takut berkongsi iman dengan orang lain.

"Dalam realiti kehidupan polarisasi, Gereja Sinodal benar-benar mempunyai cara yang lembut untuk mengumumkan Berita Baik dengan cara yang sangat menghormati," katanya.

Biarawati itu mengungkapkan kegembiraannya kerana dapat melihat golongan muda yang prihatin akan isu-isu iman.

"Anda mempunyai banyak kerja untuk dilakukan, kita mempunyai sebuah kembara untuk berjalan bersama dalam iman dan berita baiknya ialah: Kita tidak bersendirian!"

Uskup Daniel Flores pula berkata bahawa para pelajar harus menjadi saksi Gereja yang sejati, yang boleh diperdayai lebih-lebih lagi dalam "budaya orang yang lupa cara bercakap antara satu sama lain."

"Anda tidak dapat mengumumkan Injil jika anda tidak hidup dalam masyarakat.

"Mendengar ialah sebahagian daripada hidup berkomuniti. Buka telinga dan dengar pada tahap yang lebih mendalam demi untuk mendengar realiti. Dan bahagian paling sukar dalam sinodal ialah mendengar dengan sabar dengan seseorang yang anda telah putuskan sudah salah," katanya.

"Sesungguhnya, jika seseorang memberitahu anda tentang kehidupan mereka, itu adalah hadiah yang harus anda hargai sebagai sesuatu yang agak suci." **Media Vatikan**

## Kanak-kanak Orang Asli meriahkan kejohanan mini bola sepak



**SEREMBAN:** Zaman kanak-kanak adalah satu rahmat dan antara fasa kehidupan yang paling menggembirakan. Sambutan Hari Kanak-Kanak disambut awal oleh kanak-kanak Kg Sebir di Labu, Seremban, pada Oktober 12 lalu.

Kerasulan Wanita Gereja Visitation mengetuai acara itu, bekerjasama dengan Pelayanan Orang Asli, Pelayanan Migran dan Pelayanan Kadilan Penciptaan.

Acara dimulakan kejohanan bola sepak mini yang meriah dan semangat kesukuan. Fr Xavier Andrew, paderi paroki, memberikan sepak pertama sebagai permulaan kejohanan di padang kecil bersebelahan chapel yang dihiasi dengan sepanduk

berwarna-warni.

Keterujaan kanak-kanak bertambah apabila Fr Xavier, secara peribadi mengalu-alukan mereka, berjabat tangan dan berkongsi kegembiraan mereka. Ia adalah hari yang meriah, di mana kanak-kanak dan ibu bapa bermain permainan dan menari dengan penuh semangat. Sukarelawan dari Kerasulan Wanita, diketuai oleh Annie Naden, juga menyediakan hidangan yang lazat untuk semua orang.

Setiap kanak-kanak menerima hadiah, beg selamat, dan berpeluang menyertai cabutan bertuah bersama ibu bapa mereka. Hari Kanak-kanak berlangsung dengan jayanya dan dalam semangat sinodal.

Penyelaras dan pengurus acara, Gloria Jagannathan, mengucapkan terima kasih kepada Fr Xavier, dan semua yang terlibat khususnya para penderma, atas kerjasama mereka.



## Coret coret minggu terakhir Sinode 2024

**Kritikan pedas terhadap perhimpunan kedua Sinode**

Okt 19: Dua orang figura Katolik terkemuka — Kardinal Joseph Zen dari Hong Kong dan pengarang dari Amerika, George Weigel telah mengkritik perhimpunan kali kedua Sinode tentang Sinodaliti.

Kardinal Zen dalam blog peribadinya mengatakan, "dengan undi daripada bukan Uskup, maka perhimpunan ini bukanlah

perhimpunan para Uskup..."

Penulis George Weigel pula mengkritik kehadiran dua orang Uskup dari China, yang menghadiri sesi kedua Sinode tentang Sinodaliti.

Katanya, Uskup Vincent Zhan Silu dari Funing/Mindong dan Uskup Joseph Yang Yongqiang dari Hangzhou pernah "menghina" Gereja Katolik.

**Salah faham terhadap ketua dikasteri**

Okt 20: Kardinal Victor Manuel Fernández, (gambar) ketua Dikasteri Vatikan untuk Doktrin Iman memohon maaf atas ketidakhadirannya dalam mesyuarat perwakilan Sinode, mengenai kumpulan kajian Vatikan tentang peranan wanita dalam Gereja.

Seramai 90 perwakilan sinode yang terlibat berasa kesal dan kecewa kerana ketidakhadiran kardinal itu dan cara mesyuarat

itu dijalankan.

Kardinal Fernandez memohon maaf bahawa ketidakhadirannya "bukan kerana keengganahan tetapi kerana ketidakupayaanbeliau untuk hadir pada hari dan masa yang dijadualkan." Prelatus itu menjelaskan bahawa sebelum ini, beliau telah mengumumkan bahawa dua orang pegawai dikasteri akan menghadiri mesyuarat itu untuk mewakilinya.

**Sri Paus kanonisasi 14 orang kudus baharu**

Okt 20: Sri Paus Fransiskus memimpin Misa kanonisasi untuk 14 orang kudus baharu, termasuk seorang bapa kepada



lapan orang anak, seorang friar Fransiskan yang terbunuh di Syria kerana enggan meninggalkan iman mereka setelah dipaksa memeluk Islam. Bapa Suci juga mewartakan tiga orang pengasas tarekat agama abad ke-19 dan 11 "Martir Damsyik" sebagai orang kudus yang akan dihormati oleh Gereja Katolik.

**Sekali lagi ditegaskan, tidak ada ruang pentahbisan diakon wanita**

Okt 21: Kardinal Victor Fernández menegaskan "Mentahbis wanita sebagai diakon untuk mempromosikan wanita dalam kepimpinan Gereja adalah mustahil dan muktamad tidak akan ada pentahbisan

diakon untuk wanita pada masa ini."

Kardinal Fernández menegaskan semula pendirian Sri Paus Fransiskus terhadap isu ini dan perkara ini akan terus dinilai oleh komisi khusus.

**Para Uskup Afrika bicara bagaimana Gereja Sinodal mempengaruhi Afrika**

Okt 22: Uskup Afrika berbicara, "Bagaimakah Sinode mengenai Sinodal memberi kesan kepada Gereja di Afrika?

Fr Don Bosco Onyalla, ketua pengarang akhbar ACI Africa, menyatakan bahawa konsep teologi sinodal "di mana orang berkumpul" adalah realiti dan tradisi yang telah pun hidup di kalangan umat Katolik di seluruh dunia.

Salah seorang Uskup dari Afrika, Uskup Edouard Sinayobye dari Rwanda mengatakan, "proses sinodal yang dilancarkan oleh Sri Paus Fransiskus untuk Gereja sangat pada 2021 menyediakan "asas alkitabiah dan teologi" untuk berkembang dalam persekutuan dan pendamaian dengan Tuhan dan orang lain.

**Sri Paus kirim pesan video kepada peserta belia sinode**

Okt 23: Sri Paus Fransiskus mengirim pesan video kepada kaum muda yang menyertai Perhimpunan Biasa para Uskup ke-16. Dalam video itu, Sri Paus menyatakan kaum muda seperti air mengalir. "Apabila air mengalir, ia

petanda baik. Air yang tidak mengalir berisiko dicemari dan berbahaya. Bagi mengelakkannya, kaum muda harus terus bergerak dan berjalan dengan berani dan suka-cita dengan dipimpin oleh Roh Kudus."

# Yesus bukan avatar tetapi Orang yang hidup

**KOTA VATIKAN:** Para misionari digital bertemu dalam talian pada petang hari Minggu Misi Sedunia yang bertema, "Siapa yang bertelinga, hendaklah mereka mendengar apa yang dikatakan Roh kepada Jemaat-jemaat" (Wahyu 2:29).

Pertemuan maya itu diketuai oleh Dr Paolo Ruffini dan Msgr Lucio Ruiz, Ketua dan Setiausaha Dikasteri untuk Komunikasi.


Msgr Ruiz, mengumumkan program untuk Tahun Jubli bagi para Misionari dan Pempengaruh Digital Katolik akan diadakan pada Julai 28-29, 2025.

Beliau memuji kerja-kerja yang diusahakan oleh Sinode Digital yang menghasilkan proses belajar mendengar dengan hati.

Apabila inisiatif berakhiran, ia akan digantikan dengan projek "Gereja Mendengar Kamu" sebagai penerus misi dalam ruang digital,

Prelatus itu menyatakan bahawa "Gereja yang maju" ialah yang terdiri daripada murid-murid yang mencari orang lain untuk ditemui, disembuhkan dan memberitakan tentang Yesus kepada mereka.

"Mari kita terus bermimpi bersama dan melakukan perkara-perkara indah yang menunjuk-



kan kegembiraan Tuhan di dunia yang memerlukan harapan," kata Msgr Ruiz.

Salah seorang uskup yang menyertai pertemuan maya itu, Uskup Marín De San Martín mengingatkan bahawa Yesus bukanlah avatar atau identiti digital sebaliknya "orang yang hidup."

Beliau menggesa para misionari digital untuk menghayati tema "Hari Minggu Misi Sedunia" iaitu "Pergi dan jemputlah semua orang ke perjamuan" serta meninggalkan zon selesa mereka demi memberi kesaksian tentang sukacita Kristian.

Semasa pertemuan dalam talian itu, beberapa pempengaruh muda berkongsi intensi doa mereka dalam pelbagai bahasa.

Dua orang pemuda kembar dari Lubnan, menjelaskan kepada peserta bagaimana kehidupan mereka telah disentuh oleh kerja-kerja misionari digital.

Ini menyebabkan mereka bersemangat dan komited untuk berkongsi keindahan agama Kristian dalam talian di Timur Tengah.

Pada akhir pertemuan itu, Kardinal Ruffini mengajak para misionari digital yang berkhidmat di platform digital untuk meneladani Sto Paulus yang menggesa umat Kristian untuk bertanggungjawab atas luka yang melanda masyarakat kita dan melakukan peranan kita untuk menyembuhkan mereka. **Media Vatikan**

## Umat Katolik kita kurang dididik jadi penginjil

**PORT MORESBY:** Di negara seperti Papua New Guinea, di mana kira-kira 98 peratus penduduknya beragama Kristian, kerja-kerja misionari di sini tidak pernah berakhiran.

Fr Victor Roche SVD, pengarah kebangsaan Persatuan Misi Kepausan di Papua New Guinea dan Kepulauan Solomon, berkata umat Katolik tidak seharusnya bergantung kepada paderi untuk melakukan kerja-kerja misi sebaliknya mereka harus menjadi misionari di negara luar atau di tempat sendiri.

"Warga Papua New Guinea boleh bermisi sebagai misionari

tempatan dan luar negara.

Gereja memerlukan orang dan pemimpin awam untuk bekerja dalam misi di Papua New Guinea, terutamanya (sekarang) semasa Gereja global sedang membincangkan sinode.

"Dalam Gereja sinodal, peranan orang awam sangat penting," kata Fr Roche, yang berasal dari India, mula berkhidmat sebagai misionari di Papua New Guinea hanya setahun selepas pentahbisannya pada tahun 1980.

Paderi itu juga menyatakan bahawa negara asalnya, India, pada suatu ketika dahulu pernah menjadi "negara penerima" yang



*Setiap umat Katolik yang dibaptis diurapi, dengan tugas meneruskan misi Kristus di dunia. Gambar Ilustrasi: dioceseofsandakan.org.*

mengalau-alukan ramai misionari asing, kini India, salah satu negara yang menghantar bilangan misionari tertinggi ke luar negara."

Paderi itu mengatakan, "Saya sangat bertuah kerana menjadi antara orang India pertama pada sampai ke Papua New Guinea 1981 yang. Antara cabaran terbesar beliau sebagai seorang misionari ialah jumlah kerja pastoral di negara ini dengan bilangan paderi yang terhad.

"Purata bilangan paderi di (setiap) keuskupan di Papua New Guinea dalam 19 keuskupan ialah 25-30 orang. Sedangkan di keuskupan asal saya (di India) mempunyai 250 paderi!

"Kita sebenarnya belum cukup melatih umat kita untuk menjadi penginjil. Umat Katolik memang gembira ke Gereja. Tetapi itu sahaja. Selepas itu, mereka tidak menginjil atau menjangkau komuniti lain.

"Saya gembira kerana dalam Sinode para Uskup ke-16 di Roma menekankan semua Katolik harus menjadi misionari. Oleh sebab itu, inilah masanya umat awam mengambil peranan mereka, sebagai umat yang dibaptis untuk menjadi misionari suka-cita Tuhan." **Ucanews.com**

AUDIENSI UMUM MINGGUAN SRI PAUS FRANSISKUS

# Roh Kudus penting untuk perpaduan dalam perkahwinan

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus menyatakan bahawa Roh Kudus memainkan peranan penting dalam perpaduan suami dan isteri. Prelatus itu menasihati pasangan suami isteri untuk memohon bantuan Roh untuk perkahwinan mereka, kerana perpisahan pasangan merupakan sumber penderitaan bagi anak-anak.

“Apa yang dapat dilakukan oleh Roh Kudus terhadap perkahwinan? Roh Kudus melakukan perkara yang hebat, mungkin yang penting,” kata Sri Paus semasa mengadakan audiensi mingguannya di Dataran Sto Petrus pada Oktober 23.

“Perkahwinan Kristian adalah sakramen pemberian diri, memberikan diri kepada satu untuk yang lain antara lelaki dan wanita.

“Inilah maksud Sang Pencipta apabila Dia ‘menciptakan manusia menurut gambar-Nya sendiri ... lelaki dan perempuan Dia menciptakan mereka (Kej 1:27),’” kata Sri Paus Fransiskus yang menerangkan siri katekesisnya tentang Roh Kudus, memfokuskan pada peranan



Peribadi Ketiga Tritunggal dalam sakramen perkahwinan.

Bapa Suci mengatakan seperti Tritunggal, “pasangan yang sudah berkahwin, juga, harus membentuk jamak orang pertama, ‘kita.’ Berdiri di hadapan satu sama lain sebagai ‘Saya’ dan ‘engkau’, dan berdiri di hadapan seluruh dunia, termasuk anak-anak, sebagai ‘kita’.”

“Betapa kanak-kanak memerlukan perpaduan ini – ibu dan bapa bersama – perpaduan ibu bapa, dan betapa mereka menderita apabila ia kekurangan. Betapa menderitanya anak-anak apabila ibu bapanya berpisah.”

Merujuk kepada kisah perkahwinan di Kana, Fransiskus menyatakan bahawa pasangan harus selalu mengulangi apa yang Maria katakan kepada Yesus, ‘Mereka kehabisan wain.’ Pada tahap rohani, Yesus melakukan mukjizat; iaitu, untuk menukar air biasa menjadi sukacita baharu.

Bapa Suci menegaskan bahawa perkahwinan memerlukan sokongan Roh Kudus, dan mengesyorkan bahawa persediaan perkahwinan haruslah mendalam serta teliti termasuk persediaan rohani selain mengambil tahu maklumat psikologi, undang-undang dan moral.

“Di mana Roh Kudus berhemus dan berkarya, kita akan berdaya mengharungi pelbagai cabaran dalam hidup keluarga,” katanya. **Media Vatikan**

## Pelajaran rohani dari makanan

Perkara yang mudah, biasa, berlaku setiap hari seperti makanan boleh mengajar kita banyak pelajaran rohani yang berharga.

Makanan mempunyai cara unik untuk mendedahkan pandangan yang lebih mendalam tentang kehidupan dan perjalanan kepercayaan kita.

Dalam Kitab Suci, ia sering berfungsi sebagai simbol prinsip rohani, mengingatkan kita bahawa kedua-dua apa yang kita makan dan pendekatan kita terhadapnya boleh memberi kesan lebih daripada sekadar kesihatan fizikal kita. Ia juga boleh memberi kesan kepada pertumbuhan rohani kita.

Dalam artikel ini, mari meneroka enam pengajaran rohani yang berkesan daripada makanan yang mungkin mengubah cara anda melihat hidangan anda.

### Berkongsi makanan, mengukuhkan komuniti

Dalam Alkitab, Yesus sering berkongsi makan dengan murid-murid-Nya dan mereka yang dipinggirkan oleh masyarakat.

Perkongsian dan jamuan ini bukan sahaja tentang makan tetapi mewujudkan peluang untuk mengakrabkan perhubungan.

Berkongsi hidangan membuka pintu untuk perbualan dan membina hubungan yang lebih mendalam. Ia melampaui sekadar memuaskan rasa lapar; terdapat kepentingan unik yang mengubah pengalaman menjadi pengalaman rohani.

### Perayaan kehidupan

Perayaan seperti hari jadi, perkahwinan, atau acara Gereja, tidak akan lengkap tanpa makanan. Saat-saat kegembiraan ini, dirayakan dengan makan bersama, mengingatkan kita tentang kehidupan yang berlimpah yang Tuhan janjikan kepada kita.

Dalam Alkitab, Yesus sering menghadiri perayaan dan menggunakan sebagai peluang untuk mengajar dan bersukacita dengan orang lain. Makanan adalah lambang kebaikan Tuhan, dan setiap perayaan adalah peringatan kelimpahan kehidupan



yang Tuhan Janjikan.

Mungkin kita sering tidak tahu apa yang ingin diungkapkan tetapi makanan mempunyai banyak cara untuk kita memulakan perbualan. Gerak isyarat mudah seperti berkongsi hidangan atau menawarkan sesuatu boleh menyampaikan keselesaan dan perhatian dengan cara yang tidak dapat dilakukan oleh perkataan.

### Mempuk amalan bersyukur

Setiap hidangan adalah peluang untuk menyatakan kesyukuran atas rezeki yang kita terima, baik dari segi material maupun rohani. Amalan mengucapkan rahmat sebelum setiap hidangan memupuk hati yang bersyukur.

### Kesederhanaan dan penguasaan diri

Makanan mempunyai cara yang luar biasa untuk mengajar kita nilai-nilai kerendahan hati, kesederhanaan dan mengawal diri. “Tetapi buah Roh ialah: kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, penguasaan diri. Tidak ada hukum yang menentang hal-hal itu.” (Galatia 5:22-23)

Penguasaan diri adalah buah Roh. Menguruskan keinginan fizikal kita adalah salah satu cara untuk mengamalkan disiplin ini.

Ini bukan tentang menghalang diri kita tetapi tentang membuat pilihan yang mencerminkan kebijaksanaan dan menghormati Tuhan.

### Tuhan menyediakan apa yang kita perlukan

Dalam 1 Raja-raja 17:8-16, seorang balu memberikan makanan terakhirnya kepada nabi Elia. Balu itu sudah miskin dan terdesak, tetapi dia masih menawarkan sedikit yang dia ada.

Sebagai balasan, bekalan tepung dan minyaknya telah diisi semula secara ajaib. Kisah hebat ini mengajar kita untuk berkorban. Apabila kita bertindak tanpa mementingkan diri sendiri, Tuhan mempunyai cara untuk menyediakan dengan cara yang tidak kitajangkakan.

### Jiwa kita juga bertumbuh

Yesus menyatakan dalam Matius 4:4, “Manusia hidup bukan dari roti saja, tetapi dari setiap firman yang keluar dari mulut Tuhan.”

Sama seperti tubuh kita memerlukan makanan untuk kelangsungan hidup, roh kita memerlukan Firman Tuhan untuk benar-benar bertumbuh.

Bagi memupuk kesejahteraan rohani kita, kita mesti meluangkan masa dalam Tuhan melalui mempelajari Kitab Suci, berdoa dan mengambil bahagian dalam perayaan Ekaristi.

Sama seperti hidangan yang berkhasiat menyegarkan badan kita, makanan rohani mengekalkan kehidupan spiritual yang seimbang menguatkan jiwa kita. **Christian Living**

PENULIS BERKICAU

## Dialog bukan pilihan

Perwakilan dari Malaysia ke Sinode tentang Sinodal menyatakan bahawa projek sinodaliti Sri Paus Fransiskus sangat menggalakkan di Asia, lebih-lebih lagi kerana ekstremisme politik dan agama menjadikan ruang mempraktikkan agama semakin mengcil di beberapa kawasan.

Fr Clarence Davedassan, pengarah Pusat Penyelidikan Katolik Keuskupan Agung Kuala Lumpur, menekankan bahawa dialog bukanlah sesuatu yang baharu di Asia tetapi bahagian penting dalam kehidupan sehari-hari.

Beliau menyatakan sesetengah orang berkata dialog adalah pilihan, tetapi saya berani berkata, di Asia, dialog bukan pilihan, melainkan dialog dan keharmonian adalah soal survival, untuk wujud, untuk hidup bersama orang lain.”

Fr Clarence yang juga anggota Pejabat Keprihatinan Teologi Federasi para Uskup Asia (FABC), mengatakan sinodaliti membentuk asas komuniti beriman di Asia.

“Oleh kerana kita berasal dari budaya yang sangat pluralistik, dengan agama yang berbeza, dengan budaya yang berbeza, dengan tradisi yang berbeza, maka perlu mencari keharmonian. Ia perlu untuk hidup bersama orang lain,” katanya.

Beliau menyatakan bahawa peningkatan dalam perkahwinan antara agama dan antara budaya di rantau ini memerlukan kanak-kanak untuk belajar mendengar dan memahami antara satu sama lain.

Di Asia, pengikut Katolik hanya mewakili 3% daripada empat bilion penduduk di benua itu, dan pengikut majoriti Kristian hanya terdapat di Filipina dan Timor-Leste.

Katanya, perjalanan sinodal bukanlah sesuatu yang baharu di kebanyakan tempat di Asia. Ia telah pun wujud, berlanjutan dan terus menghidupkan Gereja.

Seorang kardinal dari sebuah negara yang dilanda keganasan sejak rampasan kuasa tentera pada 2021 turut senada dengan apa yang dikatakan oleh Fr Clarence Devadassan bahawa “dialog adalah keharusan!”

Kardinal Charles Maung Bo dari Keuskupan Agung Yangon, Myanmar, terkilan dan sedih kerana negaranya dilanda konflik sejak ram-pasan kuasa tentera pada 2021, menyebabkan lebih 40,000 pendatang dari Myanmar, berjuang melintasi sempadan untuk mencari keselamatan.

“Dalam keadaan penuh konflik di Myanmar, saling membalaud tuuhan tidak akan menamatkan keganasan. Hanya dialog yang dapat mewujudkan keamanan,” kata Kardinal Charles Bo.

Dalam hal sinodal, Kardinal Bo, menegaskan bahawa sinodaliti di Asia telah “meningkatkan kesedaran tentang peranan Roh Kudus” serta kepentingan “pembaptisan, maruah dan karisma.”

Prelatus itu menyatakan cabaran terhadap pelaksanaan sinodaliti di Asia iaitu kekurangan kejelasan tentang konsep sinodal dan pembentukan. Pembentukan adalah cabaran kerana kurangnya fasilitator yang lebih terlatih untuk membantu membangunkan amalan sinodal dalam Gereja tempatan.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.**

**Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada editor1@herald.com.my atau menulis kepada kami: Archdiocesan Pastoral Centre 5, Jalan Robertson, 50150, KL Tel / Whatsapp: 03-20268291**

SIBU, Sarawak: Seramai empat puluh dua paderi dari 10 keuskupan/agung Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura, dan Brunei berkumpul untuk acara tahunan, Perhimpunan Paderi Muda (YPG).

Acara yang diadakan dari Oktober 7 hingga 11 itu dianjurkan oleh Keuskupan Sibu. YPG menghimpunkan paderi yang ditahbiskan kurang daripada lima tahun.

Program lima hari itu dibuka dengan perayaan Ekaristi di Pusat Pastoral Keuskupan Sibu, yang dipimpin oleh Uskup Richard Ng dari Keuskupan Miri.

Program YPG 2024 dibahagikan kepada dua bahagian penting — pembentukan untuk paderi muda dan lawatan ke komuniti tempatan di daerah Mukah.

Para paderi juga melawat rumah panjang Iban di Ulu Dijih, Selangau, yang dihoskan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tamin Christopher Gira dan Tuai Rumah Simond Boom.

Di sana, mereka merayakan Misa, melakukan pemberkatan rumah dan menyertai perayaan bersama keluarga rumah panjang.

Semasa lawatan ke rumah panjang itu, Fr Michel Dass dari



## Paderi muda 'berkampung' di Sibu untuk YPG

Keuskupan Agung Kuala Lumpur, yang mewakili golongan paderi muda, menekankan pelbagai matlamat YPG iaitu untuk menyediakan platform bagi para paderi muda ke daerah Mukah, di mana mereka dihoskan oleh 20 keluarga Melanau dari lima chapel di bawah paroki St Peter dan Paul, Mukah.

Keluarga angkat ini membawa 'anak angkat' paderi mereka ber-

siar-siar di sekitar kampung, mengadakan sesi doa, berkongsi kisah-kisah iman dan merayakan Misa Senja di chapel bersama penduduk setempat.

Uskup Joseph Hii, memimpin Misa di Gereja St Peter dan Paul, dalam homilinya, menggalakkan para paderi untuk bersahabat dengan uskup mereka dan berkongsi sebarang kebimbangan yang

mereka ada, belajar tentang adat tempatan dan melibatkan diri dengan masyarakat serta mempromosi panggilan.

Pada paderi muda ini juga diseru untuk menjangkau pelajar bakal ke luar negara yang bersedia untuk belajar di luar negara agar mereka kekal berhubung dengan Gereja semasa berjauhan dari keluarga mereka.

Pn Florence Holita Bernard Miran, salah seorang ketua keluarga angkat, merakamkan ucapan terima kasih kepada para paderi kerana memilih Mukah sebagai tempat lawatan.

Dia berkongsi bahawa program keluarga angkat paderi, walaupun ringkas, namun telah memperkaya iman dalam kalangan keluarga yang terlibat.

## Alkitab dan Keluarga peringkat Keuskupan Keningau

MEMBAKUT: "Alkitab dan Keluarga" merupakan tema sambutan kemuncak bulan Alkitab peringkat Keuskupan Keningau.

Bulan Alkitab telah dilancarkan di Keuskupan Keningau pada bulan Julai lalu dan acara kemuncaknya diadakan pada Oktober 13, 2024 di paroki St Patrick, Membakut.

"Objektif sambutan kita sempena bulan Alkitab ialah untuk menjadikan Firman Tuhan sebagai kekuatan bagi setiap keluarga Katolik serta memberi kesedaran kepada semua keluarga Katolik untuk menghidupi Firman Tuhan dalam keluarga masing-masing," kata Pengurus Komisi Kerasulan Alkitab Keuskupan Keningau, Sdra Patrick Marius dalam ucapannya.

"Aktiviti sambutan bulan Alkitab pada kali ini berdasarkan penyertaan keluarga kerana kita menyahut seruan keuskupan Keningau yang pada masa ini sedang rancak melaksanakan program

Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 (MPC 2026) bagi dokumen *Amoris Laetitia*, ucap Partick seraya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada paroki St Patrick Membakut kerana telah melaksanakan tanggungjawab selaku tuan tumah bagi acara besar tersebut.

Ketika ditemui, pengurus Komiti Alkitab paroki St Patrick Membakut sendiri telah mengadakan beberapa aktiviti sepanjang sambutan bulan Alkitab peringkat paroki. Antara aktiviti tersebut ialah pertandingan pewarta dan pemazmur.

Sambutan Kemuncak Bulan Alkitab Peringkat Keuskupan 2024 telah menarik lebih 30 buah

keluarga yang datang dari seluruh keuskupan untuk menyertai aktiviti kuiz alkitab dan pertandingan Melukis dan Mewarna. Acara pada hari tersebut telah dimulai dengan Misa Kudus.

Semasa Misa Kudus, setiap perwakilan paroki dan mission, berarak membawa Alkitab dari pelbagai versi bahasa manakala dua buah keluarga dari paroki tuan rumah, mengangkat tandu yang membawa Alkitab besar, sebagai simbolik bagi tema sambutan pada tahun ini, "Alkitab dan Keluarga."

Pada akhir Misa Kudus, diadakan gimik pelancaran logo baharu Komisi Kerasulan Alkitab Keuskupan Keningau.

Sambutan kali ini menyaksikan paroki St Theresa Tambunan mengungguli pertandingan kuiz alkitab, diikuti paroki St Francis Xavier di tempat kedua dan Paroki Roh Kudus Sook di tempat ketiga. Bagi kategori melukis dan mewarna



pula, tempat pertama dan kedua dimenangi oleh paroki St Francis Xavier Keningau dan paroki St. Peter Kuala Penyu di tempat ketiga.

Fr Gilbertus Engan selaku paderi penasihat sambutan Bulan Alkitab berkata, keluarga memainkan peranan penting dalam mendidik generasi yang mencintai Firman Tuhan, lebih-lebih lagi pada zaman serba maju seperti sekarang.

Beliau juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak teru-

tama mereka yang telah memberi sumbangan hadiah untuk kejayaan sambutan kemuncak Bulan Alkitab tersebut.

Aktiviti pada hari tersebut juga diselang-selikian dengan cabutan tiket nama pengunjung bertuah selain penyampaian hadiah kepada para pemenang. Perayaan Bulan Alkitab Keuskupan Keningau diakhiri dengan doa yang dipimpin oleh Fr Boniface Kimsin kira-kira pada pukul 5.00 petang. **Patricia Bai**

## Amoris Laetitia (Sukacita kasih) dalam Keluarga

TELUPID: Kapela St Joseph Lumou julung kalinya telah mengadakan seminar Pengayaan Perkahwinan dan Pembaharuan Janji Perkahwinan, baru-baru ini.

Aktiviti ini merupakan salah satu misi Komisi Keluarga Keuskupan Sandakan dalam memupuk hubungan yang lebih erat di antara suami-isteri selain memberi maklumat tentang hidup

berkeluarga berdasarkan dokument Gereja *Amoris Laetitia*.

Aktiviti yang berlangsung selama sehari disertai 18 pasangan. Mereka menjalani beberapa sesi ceramah, aktiviti menulis surat cinta dan perdamaian suami isteri.

Seminar itu diakhiri dengan upacara pembaharuan janji perkahwinan dalam Misa

Kudus yang dipimpin oleh Fr Christopher Ireneus.

Dalam homilinya, Fr Christopher menyuru para pasangan Katolik untuk menjadi teladan kepada para suami isteri lain, menunjukkan keindahan hidup berkeluarga, terbuka kepada rahmat-rahamat Tuhan lebih-lebih lagi ketika menghadapi pelbagai cabaran. **Helena Salati**

